



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB PUAN HANNAH YEOH

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT

MAJLIS PENYERAHAN CEK GERAN TASKA DI TEMPAT KERJA

SEKTOR AWAM

12 JULAI 2019 (JUMAAT)

DEWAN HOSPITAL SIBU

SARAWAK

[SALUTASI] akan dikemaskini pada hari program.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera kepada semua.

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran para hadirin kerana dapat meluangkan masa untuk datang ke Majlis Penyerahan Cek Geran TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam.
2. Sepertimana dalam pengumuman Belanjawan 2019 peruntukan RM10 juta disediakan untuk menambah 50 buah TASKA baharu di bangunan Kerajaan. Namun, disebabkan keperluan mewujudkan TASKA di tempat kerja begitu penting dan mendesak, Kementerian telah menyemak semua permohonan dan meluluskan geran untuk menubuhkan

TASKA di tempat kerja kepada 65 agensi kerajaan iaitu melebihi sasaran sebenar.

3. Geran TASKA di tempat kerja sektor awam ini memberi keutamaan kepada agensi kerajaan yang berhasrat untuk menubuhkan TASKA yang baharu, mempunyai permintaan dari kakitangan yang tinggi dan beroperasi secara syif. Sebanyak 37 buah agensi kerajaan yang beroperasi syif termasuk 19 buah Hospital kerajaan, 5 institusi kebajikan, 4 buah penjara, 3 ibu pejabat polis, 2 Jabatan Bomba dan Penyelamat, 2 Jabatan Imigresen Malaysia, 1 Jabatan Pengangkutan Jalan serta 1 institusi latihan bekas banduan.
4. Selain daripada itu, 8 buah institusi pendidikan juga diluluskan bagi meringankan beban pendidik di Politeknik, MRSM dan Universiti. Selain daripada itu, agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Ilim (MESTECC), Parlimen Malaysia, Kompleks Mahkamah, Istana Budaya, Agensi Nuklear Malaysia dan agensi lain juga diluluskan atas permintaan tinggi dan kesediaan jabatan tersebut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya difahamkan bahawa peruntukan telah diagihkan kepada semua agensi kerajaan terbabit. Saya percaya bahawa sebahagian besar dari agensi-agensi ini telah memulakan kerja-kerja yang dirancang bagi penubuhan TASKA dengan menggunakan geran yang disediakan dan dapat menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian serta pembelian peralatan dalam tahun ini.

6. Untuk itu, saya menasihatkan semua agensi kerajaan yang menubuhkan TASKA supaya memastikan bahawa TASKA adalah berdaftar dan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Para hadirin sekalian,

7. Dengan wujudnya TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam, ianya dapat memberi peluang kepada kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal serta proses perkembangan menyeluruh dalam membangunkan modal insan yang berkualiti, sihat dan seimbang.
8. Peluang untuk menghantar anak ke TASKA di tempat kerja juga akan meningkatkan fokus kakitangan dalam melaksanakan tugas dan mengurangkan kerisauan

mereka seterusnya dapat meningkatkan prestasi semasa bekerja.

9. Akhir sekali, diharapkan agar agensi kerajaan dan swasta yang belum menubuhkan TASKA di tempat kerja dapat melaksanakan tanggungjawab sosial mereka demi kebajikan kakitangan dan kesejahteraan masa depan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah modal insan yang wajib dibangunkan kepada tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. *Up bringing of a child starts from very young age and it's everybody responsibility.*

Sekian, terima kasih.